



**KERATAN  
AKHBAR**

**10 JUN 2020  
RABU**

**THE Sun**

**Harian Metro**

**南洋商報**  
NANYANG SIANG PAU

**Sinar**  
harian

**中國報**  
CHINA PRESS

*The people's paper*  
**Star**



**BERNAMA**  
**星洲日報**  
SIN CHEW DAILY

**BERITA HARIAN**

**NEW STRAITS TIMES**

**facebook**

**astro**  
**AWANI**

**malaymail**

**FMT**  
news

**THE EDGE**  
MARKETS  
MAKE BETTER DECISIONS

**malaysiakini**  
terkini untuk anda

## 100 lokasi Seremban, Port Dickson terputus bekalan air

SEREMBAN: Lebih 100 lokasi dan penempatan membabitkan daerah Seremban dan Port Dickson (PD) mengalami gangguan bekalan air selama 24 jam bermula jam 8 pagi tadi, susulan penutupan sementara serta merta Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS), Norzita Ismail, berkata, penutupan LRA itu berikutan pencemaran bau pada air mentah di sungai berkenaan, semalam.

Katanya, kawasan PD yang terbabit dengan gangguan sementara itu termasuk Kelab Golf & Country Club, PD Perdana, Desa Lagun Resort, Kem Batu 4 dan 5 Jalan Pantai, Selesa Beach Resort, Hotel Seri Malaysia, Hotel Avillion, Hotel Risda, Kilang Cabot, Hotel Corus, Hotel Sunshine Bay, Sekolah Datuk Abdul Samad, Petron Refinery, Henyuan (Shell), Pusat Hemodialisis Batu 1 Jalan Pantai.

"Selain itu, seluruh kawasan PD Water Front, Pekan PD, TNB (Tuanku Jaafar), Hotel LeParis, Klinik Kesihatan (Hospital Lama), Seafront Hotel, Hotel Lexis, Glory Beach Resort, Hotel Grandpa Dataran Segar dan seluruh kawasan Pekan Lukut sehingga seluruh kawasan Spring Hill.

"Turut terjejas ialah kawasan Kualiti Alam dan Jimah Power Plant, Escort Estet, Kampung Sawah Sunggala, Bandar Sunggala dan kawasan perumahan Sirusa, seluruh kawasan Lukut, Siliiau, Bukit Palong, D'Ambang Kota, Perindustrian Perdana Bukit Palong, Jimah, Tanah Merah Site C dan seluruh kawasan Bukit Pelandok serta Chuah," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini..

Norzita berkata, bagi kawasan Seremban pula termasuk Taman Pinggiran Senawang, kawasan Sungai Gadut, Senawang Perdana, seluruh kawasan Rantau, Kuala

Sawah, Industri Nilam Ribu dan Seliau.

Menurutnya, selain itu turut terjejas adalah sebahagian kawasan Sendayan dan sekitarnya.

Katanya, bekalan air dijangka pulih secara berperingkat sehingga pencemaran dapat di atasi.

"SAINS akan terus memberikan maklumat terkini melalui laman rasmi SAINS [www.sainswater.com](http://www.sainswater.com)," katanya.

Dalam pada itu, Norzita mengingatkan pengguna untuk bersedia dengan tangki simpanan bagi mengelakkan kemungkinan gangguan dalam waktu yang tidak dijangkakan atau lebih lama.

Beliau berkata, peraturan itu jelas seperti termaktub melalui Akta Industri perkhidmatan Air 2006, Kaedah-kaedah industri perkhidmatan air (retikulasi air dan pemasangan paip) 2014 bahagian IV Divisen 4 Kaedah 50(1).

"Pengguna dimaklumkan perlu mempunyai tangki simpanan air bagi tempoh sekurang-kurangnya 24 jam apabila berlaku gangguan bekalan air yang disebabkan paip pecah atau kerja-kerja kecemasan di tapak," katanya.



## Sungai Linggi dicemari bau kurang menyenangkan

PIHAK berkuasa mengesan berlaku pencemaran bau pada air mentah di Sungai Linggi sejak semalam yang mendorong Badan Kawal Selia Air, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dan Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) tampil membuat siasatan lanjut.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri S Veerapan berkata, siasatan dan penelitian oleh jabatan berkaitan dijalankan di sembilan tempat bermula jam 8 pagi.

Katanya, siasatan dijalankan di sebahagian kawasan sungai di Rasah, Kampung Batu 3 dan di bawah jambatan Lebuhraya Port Dickson sehingga di pertembungan muara antara Sungai Anak Air Garam dan Sungai Linggi.

"Siasatan awal mendapati ada bau yang agak signifikan dari arah jambatan lebuhraya, bagaimanapun keadaan warna air mentah masih didapati seperti biasa.

"Hasil siasatan awal juga mendapati tiada bukti menunjukkan ikan dalam sungai berkenaan mati, namun pencemaran bau itu menimbulkan persoalan dan siasatan masih diteruskan untuk mencari lokasi sebenar punca bau berkenaan," katanya.

Veerapan berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan ada berlaku pembuangan sisa atau bahan tercemar atau tumpahan bahan terpakai oleh pihak tidak bertanggungjawab yang menyebabkan pencemaran di Sungai Linggi.

Beliau berkata, kejadian pencemaran ini kali kedua dikesan sejak awal tahun selepas berlaku pembuangan minyak hitam kenderaan terpakai oleh pihak tidak bertanggungjawab di laluan sungai berkenaan terutama di Rasah, April lalu.

Sementara itu, SAINS dalam satu kenyataan berkata, pihaknya terpaksa menutup sementara Loji Rawatan Air Sungai Linggi bermula hari ini susulan penemuan bau kurang menyenangkan pada air mentah di sungai berkenaan.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam SAINS Norzita Ismail berkata, penutupan itu bagi mengelak keadaan menjadi lebih kritikal.

"Sehubungan itu, beberapa kawasan di Port Dickson dan sebahagian di Seremban mengalami gangguan bekalan air bagi tempoh 24 jam mulai pagi ini," katanya.

Harian **Metro**

10 JUN 2020 RABU

<https://www.hmetro.com.my/mu-takhir/2020/06/588143/sungai-linggi-dicemari-bau-kurang-menyenangkan>

## LRA Sungai Linggi ditutup, gangguan bekalan air di Seremban, Port Dickson



10 JUN 2020 RABU

<https://www.bernama.com/bm/a/m/news.php?id=1849884>

SEREMBAN, 10 Jun -- Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi ditutup untuk sementara waktu berikutan pencemaran bau sumber air mentah di Sungai Linggi, yng menyebabkan beberapa kawasan di Seremban dan Port Dickson mengalami gangguan bekalan air selama 24 jam.

Ketua Bahagian Perhubungan Awam Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) Norzita Ismail dalam satu kenyataan media berkata bekalan air dijangka pulih secara berperingkat sehingga pencemaran itu dapat diatasi.

Kawasan Port Dickson yang terjejas meliputi kawasan pekan Port Dickson, Port Dickson Golf and Country Club, PD Perdana, Desa Lagun Resort, Kem-kem Batu 5 Jalan Pantai, Selesa Beach Resort, Kem-kem Batu 4 Jalan Pantai, Hotel Seri Malaysia, Hotel Avillion, Hotel Risda, Kilang Cabot, Hotel Corus, Hotel Sunshine Bay, Sekolah SDASA, Petron Refinery, Henyuan (Shell) Refinery (Line 1&2), Pusat Hemodialisis Batu 1 Jalan Pantai, seluruh kawasan PD Water Front, TNB (Tuanku Jaafar), Hotel Leparis, Klinik Kesihatan (Hospital Lama) dan Jimah Power Plant.

"Dari Escort Estet, Kampung Sawah Sunggala, Bandar Sunggala, kawasan Taman Sirusa Jaya Batu 6 Jalan Pantai, Seluruh kawasan Batu 5 Jalan Pantai, Kampung Baru Sirusa, Jalan Sua Betong, Taman Desa PD, Kampung Barisan, kawasan Air Kuning sehingga kawasan Tampin Linggi. Dari kawasan Batu 4 Jalan Pantai, kawasan Kampung Bagan Pinang, Taman PD Utama, Taman Raja Zainal, Taman Too Kee Kah, Transit Kuarters, Jalan Shell Refinery, Happy Garden, kawasan Batu 1, Jalan Pantai sehingga seluruh kawasan Pekan PD," katanya.

Kawasan lain yang turut terjejas ialah di Simpang Bukit Palong, Perindustrian Bukit Palong, Tmn. Lukut Makmur, Taman D'Pinggiran Kota, Taman D'Ambang Kota, Perindustrian Perdana Bukit Palong, Kebun Jimah, Jimah Lama, Kg Cina Site C Tanah Merah, Taman Jimah Jaya, Tanah Merah Site C, seluruh kawasan Bukit Pelandok dan seluruh kawasan Chuah.

Sementara itu kawasan terjejas di Seremban pula melibatkan Taman Pinggiran Senawang, Sekolah Dato Abdul Razak, Radio Televisyen Malaysia, Ladang Batu 11, Kilang GMP, Hentian Rehat dan Rawat Senawang, Senawang Perdana, Sendayan dan kawasan sekitar.

Menurut Norzita, SAINS akan terus memberikan maklumat terkini mengenai gangguan bekalan air melalui laman rasmi [www.sainswater.com](http://www.sainswater.com) dan pengguna juga boleh mendapatkan maklumat lanjut dan terkini dengan menghubungi talian bebas tol 1-800-88-6982.

"SAINS sekali lagi mengingatkan pengguna untuk bersedia dengan tangki simpanan bagi mengelak sebarang kemungkinan yang boleh berlaku dalam waktu yang tidak dijangkakan," katanya.

-- BERNAMA

